

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(II)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

20. Adakah Kerajaan Negeri akan memperketatkan lagi pemohonan untuk system Ibu Emas dan Anak Emas? Dimana system pendaftaran Ibu Emas perlu link dengan KWSP untuk mengesan status pemohon supaya tidak ditipu.
- (a) Adakah sistem untuk pendaftaran bagi anak emas link dengan semakan pendaftaran SPR?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Program Bantuan Ibu Emas dan Program Anak Emas merupakan dua program kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah program iSejahtera. Buat masa kini, pihak Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk memperketat syarat-syarat permohonan bagi kedua-dua program bantuan yang dimaksudkan.

Sehingga kini, pihak Kerajaan Negeri masih meneliti mekanisme yang sesuai untuk menghubungkan sistem pendaftaran bagi permohonan Bantuan Ibu Emas dengan maklumat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Proses menghubungkan sistem pendaftaran tersebut melibatkan pelbagai agensi dan memerlukan penelitian yang mendalam memandangkan akan melibatkan data peribadi pemohon selain implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri dalam membangunkan satu sistem khas bagi tujuan tersebut.

Selain itu, penambahan caruman dalam akaun KWSP masih tidak mencukupi untuk menjustifikasikan pemohon tersebut mempunyai pekerjaan / pendapatan tetap dan seterusnya hilang

kelayakan untuk menerima bantuan kerana caruman tersebut boleh juga diperoleh menerusi program-program bantuan lain seperti Program Caruman Sukarela Insentif Suri (iSuri). Buat masa kini, pemohon perlu mengisytihar kelayakan mereka bagi bantuan ini melalui pengisian borang akuan.

- (a) Bagi Program Anak Emas, sistem permohonan program kebajikan ini tidak dihubungkan dengan pengkalan data Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) atas sebab-sebab sama iaitu implikasi kewangan dan juga maklumat data peribadi pemohon. Namun, semakan pemilih dilakukan secara manual oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan ibu atau bapa pemohon merupakan pemilih berdaftar di Pulau Pinang.